# ABSTRAK

LOKMAN BIN HAJI RAMLI . Masalah Dominan Ekonomi Malaysia dan Penyelesaiannya Menurut Al-Quran.
KERTAS PROJEK : Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1990.

Sejak akhir-akhir ini hangat kedengaran masalah kemiskinan di perbincangkan, samada di dalam akhbar, forum-forum dan juga media-media elektronik. Malah sudah banyak kertas kerja dibentangkan oleh cendikiawan Islam dan cerdik pandai yang berpendidikan sekular serta ilmuan dari agama lain mengenai cara bagaimana Islam boleh membantu menyelesaikan masalah kemiskinan. Namun jika diperhatikan di dunia hari ini masih banyak lagi masyarakat manusia yang masih berada dalam golongan miskin.

Kira-kira 9 juta orang ditimpa kelaparan manakala lebih setengah juta orang meninggal dunia akibat daripada bencana ini. Begitu juga dengan negara kita Malaysia, sejak sebelum merdeka hingga sekarang masalah kemiskinan masih menjadi masalah utama negara. Masalah ini sangat ketara sehingga membawa kepada tercetusnya rusuhan 13 Mei 1969 yang mengorbankan banyak nyawa. Bermula dari [illegible]

kerajaan mula mengambil perhatian serius terhadap masalah ini.

Bersandarkan faktor inilah maka satu program besar selama dua puluh tahun yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan yang mana salah satu daripada matlamatnya ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Bermula dari sinilah maka kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai strategi dan program secara besar-besaran yang menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Sungguhpun program ini adalah menyeluruh tetapi seperti perlaksanaan mana-mana program sekali pun pasti akan ada kelompok pinggiran yang akan tersisih daripada menikmatinya.Dalam hal ini kita akur bahawa masih ada golongan yang benar-benar daif yang tidak berdaya untuk mengatur langkah pertama untuk melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Sungguhpun pada masa yang sama kerajaan melalui pelbagai agensi berusaha untuk memanjangkan pelbagai kemudahan dan infrastruktur semata-mata untuk meningkatkan taraf hidup.

Hakikat keciciran seumpama ini berlaku, adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Lantaran itu semata

jalan mesti dicari unuk mengatasi masalah ini. Dalam konteks negara ini berbagai cara telah dilaksanakan sebagaimana yang telah dijelaskan diatas, tetapi untuk melihat kejayaan yang membanggakan tidak tercapai.

Dalam hal ini seelok-eloknya Islam pula diberi peluang untuk menunjukkan caranya dalam penyelesaikan masalah ini kerana sudah ternyata semua sistem yang telah dipraktikkan sebelum ini menemui jalan buntu.

Menyedari daripada hakikat inilah mendorong penulis membuat kajian tentang bagaimana Al-Quran dapat menyelesaikan masalah kemiskinan. Penulis melalui kertas projek ini akan membuat kajian mengenai "MASALAH DOMINAN EKONOMI MALAYSIA DAN PENYELESAIANNYA MENURUT AL-QURAN." Dengan memberi pengkhususan kepada masalah kemiskinan dan cara penyelesaiannya.

Adapun masalah yang menjadi notra perbincangan utama dalam kertas projek ini ialah apakah cara yang ditunjukkan oleh Al-Quran dalam menyelesaikan masalah ini?.

Untuk menjawab masalah ini penulis telah mengambil beberapa ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi [illegible]

hujjah dalam menunjukkan bagaimana cara penyelesaian kepada masalah ini. Disamping itu juga penulis telah menyorot kembali dari lipatan sejarah di zaman Nabi dan Khulafa' Al-Rasyidin yang mengamalkan sistem Islam secara menyeluruh di dalam pemerintahan mereka. Ini adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai contoh sejauh mana kejayaan mereka dalam mengatasi masalah kemiskinan.

Adapun metod-metod yang digunakan untuk mengumpul segala data dan fakta ialah metod interview, metod historis, metod observasi dan metod dokumentasi.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa:

a) Al-Quran telah menunjukkan bahawa sebarang masalah samada masalah yang bersangkutan dengan ekonomi atau lainnya tidak dapat diselesaikan seeiranya sesebuah negara tidak berusaha untuk menjalankan sistem Islam secara keseluruhan dalam semua bidang. Sesungguhnya masalah kemiskinan ini bukanlah menjadi perkara pokok untuk dijadikan tumpuan, tetapi yang menjadi tumpuan pokok ialah bagaimana untuk mewujudkan sistem yang berlandaskan Tauhid sebagai pengganti kepada sistem yang ada sekarang yang sudah ternyata kegagalannya dalam menyelesaikan masalah ini.

b) Al-Quran telah meletakkan pembentukan masyarakat berlandaskan Tauhid sebagai pokok utama yang amat perlu untuk mewujudkan masyarakat Al-Quran yang mampu mengubah segala bentuk sistem yang ada sekarang kepada sistem yang berlandaskan syari'at Allah.